

## KERATAN AKHBAR

JUDUL : GPS Bestari.com

TARIKH : Selasa, 5 April 2016



5 April 2016 | SITI NOOR SEPEE

## Program Nilam diberi nafas baharu



Khairil (kiri) melawat bilik pameran selepas menyempurnakan Kem Membaca 1Malaysia 2016 Peringkat Kebangsaan di SMK Sultanah Engku Tun Aminah, semalam.

JOHOR BAHRU - Kementerian Pendidikan bercadang menambah bilangan buku ilmiah dan fiksyen termasuk bahan bacaan bersifat analitikal dalam usaha memberi nafas baharu program Nadi Ilmu Amalan Mulia (Nilam) yang telah bermula sejak 10 tahun lalu.

Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan (Sektor Dasar dan Pembangunan Pendidikan), Datuk Seri Khairil Awang berkata, usaha menambah pelbagai genre buku di sekolah seluruh negara itu juga bertujuan menarik minat pelajar membudayakan tabiat membaca.

Kementerian bercadang menambah baik program Nilam, bukan sahaja mensasarkan pertambahan bilangan buku melalui pembacaan berkualiti dari segi fiksyen, intelektual dan ilmiah iaitu aras pembacaan aras tinggi dan kita memerlukan bahan-bahan (berunsur) analisa.

Selain tambah bilangan buku, kementerian juga bercadang menambah sumber bacaan di perpustakaan sekolah seperti penyediaan akses internet dan arkib,+ katanya selepas melancarkan Kem Membaca 1Malaysia 2016 Peringkat Kebangsaan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sultanah Engku Tun Aminah di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Pengarah Pembangunan Teknologi Kementerian Pendidikan, Teoh Boon Hai; Ketua Penolong Pengarah Kementerian Pendidikan, Dr Qhamariah Samu; Timbalan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia, Maizan Ismail dan Pengarah Pendidikan negeri, Aminudin Adam.

Khairil berkata, program Nilam berjaya meningkatkan kadar pembacaan dalam kalangan murid iaitu daripada 19 buku setahun sejak Nilam diperkenalkan lebih 10 tahun lalu, kini meningkat kepada 25 buku setahun.

Menambahbaikan program Nilam memberi tumpuan kepada kualiti bacaan dengan keutamaan bahan bacaan bukan fiksyen dan aktiviti penggayaan selepas membaca.

Seiring dengan perkembangan corak pembelajaran semasa yang beri fokus kepada pembelajaran abad ke-21 terhadap aspek pembinaan kemahiran berfikir aras tinggi dan kreatif,+katanya.

Sementara itu, Maizan berkata, kempen galakan membaca yang dijalankan kini menunjukkan petanda positif apabila kadar purata pembacaan rakyat Malaysia sekarang adalah lapan hingga 12 buku setahun berbanding 1996, hanya dua buku setahun.

Katanya, bagi merealisasikan Wawasan 2020 yang berbaki empat tahun lagi, masyarakat perlu meningkatkan amalan membaca seiring status sebagai negara maju termasuk mencontohi rakyat Jepun yang membaca 40 buku setahun.